UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

CHILD CONNECT - EMPHASIZING THE SEAMLESS CONNECTION BETWEEN THERAPISTS, EDUCATORS, AND CAREGIVERS 212

Dr Syamsul Anwar Sultan Ibrahim[1,*], Ain Najihah Mohd Bakri[2], Muhammad Danial Mohd Yasin[3], Iffah Amirah Mohd Nasir[4] & Dayang Nur Hadziah binti Abang Saufi[5] 212

ENHANCING BIOLOGY EDUCATION THROUGH CBM (CABANG MINDA BIOLOGI) AND DIGITAL MEDIA: A BILINGUAL APPROACH FOR IMPROVED STUDENT COMPREHENSION AND ENGAGEMENT 216

Tun Mohd Firdaus bin Azis[1,*] Tun Norasida binti Aziz[2] 216

VMATT - VIBRATION MAGNIFICATION AND ANGLE TEACHING TOOL 220

Mohd Nor Azmi Ab Patar[1,*], Schufee Amani Suhaime[2], Shaharudin Ahmad[3], Chi Hieu Le[4] & Jamaluddin Mahmud[5] 220

MUMBLE TO MARVEL: SPEAK LIKE A CHAMP 224

Muhammad Irfan bin Mokhtar[1,*], Nur Alyani binti Khairol Anuar[2], Nurul Hijah binti Jasman[3] & Nursuhaila binti Ibrahim[4] 224

A TINKERCAD-BASED APPROACH TO AMR DEVELOPMENT IN ELECTRICAL ENGINEERING .. 227

Rozi Rifin[1], Kamaru Adzha Kadiran[2,*], Mohamad Zhafran Hussin[3], Nor Diyana Md Sin[4] & Ezril Hisham Mat Saat[5] 227

OPTIMISING QUIZIZZ FOR BLENDED LEARNING: INNOVATING ESL HOMEWORK SUBMISSION AND MONITORING 231

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali[1], Berlian Nur Morat[2,*], Syakirah Mohammed[3], Noor 'Izzati Ahmad Shafiai[4] & Mohd Hilal bin Muhammad[5] 231

INSTITUSI KHALIFAH (I-KHALIF) E-LEARNING COURSEWARE FOR STPM STUDENTS 235

Nurul Wafa Wardina Rosli[1], Zazaleena Zakariah[2],*, Raudzatul Fathiyah Mohd Said[3] & Wan Safra Diyana Wan Abdul Ghani[4] 235

DEVELOPMENT OF INTRODUCTORY MANDARIN (EASYMANDARIN) COURSEWARE USING PERSUASIVE SYSTEM DESIGN 239

Nur Syazwani Mohd Shukri[1], Zazaleena Zakariah[2], Raudzatul Fathiyah Mohd Said[3],* & Wan Safra Diyana Wan Abdul Ghani[4] 239

KAEDAH TAMBAN 243

Nooraini binti Ab Latif[1], Masni Binti Jamin[2], Habilah Begam binti Abu Bakar[3*], Tuan Khalisah Binti Tuan Arif Sahibu Fadhilah[4] 243

PENGEMBARAAN DARORI 247

Nur Amirah Hatasya binti Harwi, Raihan Najeehan binti Abdul Muie, Siti Khadijah binti Mohd Anuar[1], Masni binti Jamin[2] & Nooraini binti Ab Latif [3] 247

CUBE ARCHITECTURE : MAKER PLACE HAVEN 250

Syahmirul Haziq Bin Mohd Hamzani, Ar. Erdayu Os'hara Binti Omar, Ts. Kamal Bin Mohd Idris 250

EDUGO 254

Lim Siew Li[1],*, Lee Wei[2], Goh Ming Chei[3], Tan Ker Li[4], Teh Ee Shen[5] & Ng Kai Chun[6] 254

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

KAEDAH TAMBAN

Nooraini binti Ab Latif[1], Masni Binti Jamin[2], Habilah Begam binti Abu Bakar[3*] & Tuan Khalisah Binti Tuan Arif Sahibu Fadhilah[4]

[1,2,3,4] Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.

**Corresponding author:habilahbegam05@gmail.com*

ABSTRAK

Kaedah TAMBAN merupakan satu inovasi dalam pengajaran bahasa Melayu yang dihasilkan untuk menangani kesukaran murid dalam menggunakan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dengan tepat dalam aspek tatabahasa. Tatabahasa merupakan komponen perdana dalam kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk mencapai kefasihan bahasa yang dipelajari secara cekap dan berkesan. Oleh itu, bagi melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tatabahasa dalam bidang morfologi ini guru perlu menggunakan bahan untuk merangsang tahap kognitif murid. Bahan interaktif ini memudahkan pemahaman murid tentang penggunaan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dalam konteks yang betul. Kaedah TAMBAN dibentuk sebagai satu alternatif bagi membantu guru dalam proses PdP bagi menyelesaikan masalah murid yang lemah dalam mengenal pasti kata sendi nama yang sesuai digunakan ketika bertutur mahupun menulis. Kaedah TAMBAN ini sesuai digunakan dalam proses PdP kerana menarik minat murid yang bermasalah dari segi kognitif kerana bahan ini mengandungi unsur visual sebagai dasar utama dan mendorong murid untuk mudah mengingati setiap elemen yang telah diintegrasikan. Kelebihan inovasi ia dapat membantu murid menggunakan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dengan tepat kerana merangsang kognitif murid melalui unsur visual. Hal ini juga memudahkan mereka mengingati dan memahami tatabahasa dalam konteks yang betul. Kaedah ini juga lebih berkesan dan fleksibel berbanding kaedah konvensional kerana ia berbentuk digital menjadikannya lebih menarik dan mudah difahami oleh murid (Mustapha, 2009).

KATA KUNCI: Kaedah TAMBAN, Tatabahasa, Kata Sendi Nama, dari dan daripada, Visual

MASALAH DAN OBJEKTIF

Isu penguasaan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dalam kalangan murid mata pelajaran bahasa Melayu menimbulkan implikasi yang serius terhadap keupayaan mereka untuk berkomunikasi secara tepat dan efektif. Ketidakmampuan untuk membezakan penggunaan kedua-dua kata sendi ini bukan sahaja mengaburkan makna yang ingin disampaikan tetapi juga membawa kepada kesilapan tatabahasa yang boleh mengganggu kefahaman dalam komunikasi lisan dan penulisan (Zakaria, 2015). Dalam konteks pendidikan, kelemahan ini mencerminkan kekurangan dalam penguasaan asas tatabahasa yang penting untuk pembangunan kemahiran berbahasa secara keseluruhan (Hashim & Mohamad, 2018). Selain itu, kegagalan menguasai kata sendi nama ini berpotensi untuk menjejaskan prestasi akademik murid khususnya dalam penulisan ilmiah dan penilaian berasaskan tatabahasa yang menitikberatkan ketepatan penggunaan bahasa (Mahmud & Ismail, 2017).

Kaedah TAMBAN adalah pendekatan inovatif dalam pengajaran bahasa Melayu yang membantu pelajar menguasai penggunaan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dengan lebih berkesan. Objektif utama kaedah ini ialah bagi memperbaiki kelemahan murid dalam mengenal pasti dan menggunakan kata sendi nama yang betul. Melalui pendekatan yang berbentuk visual

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

dan interaktif murid lebih mudah memahami konsep tatabahasa yang kompleks. Kaedah ini bukan sahaja berfokus kepada penguasaan tatabahasa tetapi juga terhadap pengembangan kemahiran kognitif murid. Melalui pendekatan yang berasaskan visual murid digalakkan untuk berfikir secara kritis dan analitis mengenai penggunaan kata sendi nama (Yusof, 2019).

PENERANGAN REKA BENTUK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang inovatif adalah penting dalam memastikan murid dapat memahami konsep bahasa dengan lebih baik dan efektif. Salah satu pendekatan yang telah diperkenalkan dalam konteks pengajaran kata sendi nama dalam bahasa Melayu ialah Kaedah TAMBAN. Kaedah ini menggunakan akronim yang direka khas untuk membantu murid membezakan penggunaan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' dengan lebih mudah dan jelas. Akronim TAMBAN dibahagikan kepada dua komponen utama, iaitu **TAM** yang merujuk kepada penggunaan kata sendi nama 'dari' dan **BAN** yang merujuk kepada penggunaan 'daripada'.

- **TAM (Tempat, Arah, Masa)**: Elemen ini menunjukkan bahawa kata sendi nama 'dari' digunakan apabila merujuk kepada tempat, arah, atau masa. Sebagai contoh, dalam ayat 'Hafiz pulang dari/daripada sekolah', kata 'sekolah' merujuk kepada tempat, justeru penggunaan 'dari' adalah lebih tepat.
- **BAN (Bandingan, Asal Usul, Nama: haiwan, manusia, benda)**: Elemen ini pula merangkumi penggunaan kata sendi nama 'daripada' yang sesuai apabila merujuk kepada bandingan, asal usul, atau nama. Contohnya, dalam ayat 'Markah peperiksaan Ah Meng lebih tinggi dari/daripada Steven', kata sendi nama 'daripada' adalah lebih tepat digunakan ekoran ayat tersebut membuat perbandingan markah antara dua orang.

Kaedah TAMBAN diaplikasikan dalam bentuk digital iaitu setiap huruf dalam akronim tersebut boleh ditekan untuk memaparkan huraian lanjut mengenai penggunaan kata sendi nama yang berkaitan. Misalnya, apabila huruf "T" ditekan, slaid yang memaparkan penggunaan "dari" untuk menunjukkan tempat akan terpapar bersama huraian, contoh ayat dan ilustrasi. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan guru untuk menyampaikan pengajaran tetapi juga meningkatkan keterlibatan murid melalui penggunaan teknologi yang interaktif.

VISUAL



e-ISBN: 978-967-0033-31-0













NOVELTI DAN KEUNIKAN

Penggunaan Kaedah TAMBAN menawarkan beberapa kelebihan penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Pertama dilengkapi nota yang ringkas dan padat serta mengintegrasikan visual sebagai asas dalam inovasi yang memudahkan murid untuk memahami dan mengingati konsep yang diajar. Kedua, penggunaan akronim yang dikaitkan dengan perkataan ‘TAMBAN’ iaitu sejenis ikan yang biasa ditemui menjadikan akronim ini mudah diingati oleh murid. Selain itu, kaedah ini menjadikan pengajaran lebih menarik dan interaktif yang seterusnya dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Inovasi ini juga sangat fleksibel dan dinamik kerana kandungannya boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian tanpa bahan kerana murid telah menguasai konsep TAMBAN. Inovasi ini juga mampu memotivasikan murid untuk belajar menggunakan kaedah yang efektif serta mengaplikasikan corak pembelajaran Abad ke-21.

MANFAAT

Kaedah TAMBAN memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan pemahaman, motivasi, dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu khususnya dalam penggunaan kata sendi nama. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan guru dalam proses pengajaran tetapi juga membantu murid untuk mengingati dan mengaplikasikan konsep TAMBAN dengan lebih berkesan. Dengan menggunakan akronim ini, murid dapat mengenali elemen yang sesuai untuk setiap kata sendi nama yang berpotensi mengurangkan kekeliruan yang biasa terjadi dalam penulisan mahupun pertuturan. Penggunaan slaid digital interaktif dalam Kaedah TAMBAN menjadikan pembelajaran lebih menarik. Murid juga lebih aktif dalam proses pembelajaran kerana pendekatan ini lebih dinamik dan menyeronokkan berbanding kaedah tradisional. Keberhasilan kaedah ini jelas terbukti dalam peningkatan kualiti penulisan murid iaitu pengurangan kesilapan yang sering berlaku dalam penggunaan kata sendi nama ‘dari’ dan ‘daripada’.

POTENSI KOMERSIAL

1. Pembangunan Aplikasi Pendidikan: Kaedah ini boleh diintegrasikan ke dalam aplikasi pembelajaran digital yang interaktif menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Aplikasi ini boleh dijual kepada sekolah atau pengguna individu.

2. Penerbitan Buku dan Modul: Buku teks atau modul pengajaran yang mengandungi Kaedah TAMBAN boleh diterbitkan dan dipasarkan kepada sekolah dan pusat tuisyen. Buku-buku ini boleh merangkumi latihan dan aktiviti yang memanfaatkan kaedah ini.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

3. Kursus dan Bengkel: Kursus latihan dan bengkel untuk guru mengenai penggunaan Kaedah TAMBAN boleh dianjurkan. Ini memberi peluang kepada guru untuk memahami dan mengimplementasikan kaedah ini dalam pengajaran mereka.

4. Pelesenan dan Francais: Kaedah ini boleh dilesenkan kepada syarikat teknologi pendidikan atau institusi yang ingin menggunakannya dalam kurikulum mereka. Model francais juga boleh digunakan untuk memperluaskan penggunaan kaedah ini ke peringkat antarabangsa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Kaedah TAMBAN merupakan satu inovasi yang berkesan dalam pengajaran kata sendi nama ‘dari’ dan ‘daripada’ dalam bahasa Melayu. Pengintegrasian akronim yang mudah diingati dan diaplikasikan dalam bentuk digital yang interaktif berupaya membantu murid memahami penggunaan kata sendi nama dengan lebih jelas dan tepat. Inovasi sebegini penting dalam usaha memperkukuhkan kemahiran bahasa murid dan memastikan proses pembelajaran lebih berkesan dan menyeronokkan.

RUJUKAN

Hashim & Mohamad (2018). *Tatabahasa Bahasa Melayu untuk Pendidikan Menengah*: Sasbadi Sdn. Bhd.

Mahmud & Ismail (2017). Tatabahasa Bahasa Melayu*: Isu dan Cabaran dalam Pendidikan*: Universiti Sains Malaysia Press.

Mustapha (2009). Inovasi dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusof (2019). Tatabahasa Bahasa Melayu*:* Panduan Lengkap: PTS Publishing House.

Zakaria (2015). Kemahiran Berbahasa*: Teori dan Aplikasi*: Karisma Publications.